

BAHAGIAN A

ASAS FOREX



Pengenalan Forex

- Forex (**Foreign Exchange**) ialah pertukaran matawang asing oleh 4500 bank-bank di seluruh dunia. Ia juga dipanggil **spot market**.
- Tiada **headquarters** (HQ) atau satu lokasi yang tertentu untuk melakukan transaksi pertukaran matawang.
- Semua transaksi jual beli dan pertukaran matawang dilakukan secara online melalui Internet.
- Transaksi harian melibatkan 1.5 trillion US Dollar.
- Forex dibuka kepada pelabur-pelabur kecil sejak tahun 1995.
- Pelabur-pelabur kecil boleh berurusan dalam forex melalui 2 jenis akaun iaitu **regular** dan **mini** dengan penggunaan **leverage**.
- Anda boleh membuka akaun melalui **broker**. Setiap broker mempunyai **platformnya** yang tersendiri. Platform ialah software yang akan anda gunakan untuk melakukan proses trading.
- Contoh broker ialah seperti **FXCM, InterbankFX, FX Pro, FX Primus, XM, dan InstaForex**. Anda boleh melihat senarai broker di sini:
<http://www.fxstreet.com/brokers/forex-brokers/>
- Terdapat 2 jenis platform iaitu standalone software atau web-based. Contoh standalone software ialah MetaTrader, VT Trader dan MetaStock. Contoh web-based platform ialah Easy-Forex di mana semua proses trading dilakukan melalui browser Internet anda iaitu Internet Explorer.
- Contoh Platform
 - Metatrader (<http://www.metaquotes.net/>)
 - VT Trader (<http://www.vtsystems.com/>)
 - MetaStock (<http://www.equis.com/>)
 - Easy-Forex (<http://www.easy-forex.com/en/>)



Matawang

- Matawang yang ditawarkan ialah:

Simbol	Matawang	Nickname
EUR	Euro	Fiber
GBP	Great Britain Pound	Cable/Sterling
USD	US Dollar	Greenback
CHF	Swiss Franc	Swissy
NZD	New Zealand Dollar	Kiwi
AUD	Australian Dollar	Aussie
CAD	Canadian Dollar	Loonie
JPY	Japanese Yen	

- Matawang terbahagi kepada 2 iaitu major dan minor. **Major currency** ialah matawang yang paling kerap diperdagangkan iaitu **USD, EUR, GBP, CHF, JPY, AUD & CAD**. Minor ialah matawang-matawang selain daripada matawang major.
- Currency pair** pula terbahagi kepada 2 jenis iaitu **major pair** dan **cross pair**.
- Major pair** ialah semua currency pair yang salah satu pair merupakan USD. Semua currency pair yang berpasangan dengan USD dipanggil major pair. 4 major pair yang paling utama ialah **EUR/USD, GBP/USD, USD/JPY dan USD/CHF**.
- Cross pair** ialah semua currency pair yang tidak berpasangan dengan USD. Contohnya **EUR/JPY, EUR/CHF, GBP/JPY, EUR/GBP** dan sebagainya.



Perbezaan FOREX dan SAHAM

SAHAM	FOREX
1. Traders jual dan beli saham	1. Traders jual dan beli matawang
2. Terdapat berpuluh-puluh ribu saham	2. Terdapat 6 matawang dunia yang utama
3. Pembeli dan penjual terhad	3. Pembeli dan penjual tidak terhad
4. Sesetengah saham agak susah untuk dijual	4. Senang untuk dijual beli
5. Traders boleh trade pada masa bekerja sahaja.	5. Traders boleh trade bila-bila masa dalam tempoh 24 jam selama 5 hari berturut-turut.
6. Pasaran sehalu. Anda akan untung jika harga naik.	6. Pasaran 2 hala. Sama ada harga naik atau harga turun, anda tetap boleh mendapatkan untung.




Trading Session

- Terdapat 3 sesi trading yang paling utama iaitu Tokyo, London dan New York. Berikut adalah waktu trading bagi setiap sesi dalam waktu Malaysia.
- Pergerakan setiap pair dipengaruhi oleh trading session. Contohnya, USD/JPY agak aktif pada waktu pagi selepas Tokyo memulakan trading session dan juga aktif pada waktu malam setelah New York memulakan trading session.

Benua	Bandar	Buka	Tutup
Asia	Tokyo	7 pagi	3 - 4 ptg
	Hong Kong	8 pagi	4 - 5 ptg
	Singapore	8 pagi	4 - 5 ptg
Europe	Europe	2 ptg	10 - 11 mlm
	Frankfurt	3 ptg	11 - 12 mlm
	London	4 ptg	12 mlm - 1 pagi
America	New York	8 mlm	3 - 4 pagi
	Chicago	9 mlm	4 - 5 pagi
Pacific	Wellington	5 pagi	1 - 2 ptg
	Sidney	6 pagi	2 - 3 ptg

- Market **paling aktif** apabila 2 sesi bertembung iaitu sesi Tokyo - London (4 - 5 petang) dan sesi London - New York (8 malam - 1 pagi). Pada waktu market aktif, anda dapat melihat banyak pergerakan pada chart.





Jenis-Jenis Market

Bagaimana Trader mendapat untung?

- Untung dikira menggunakan konsep asas perniagaan iaitu:

Untung = Beli harga rendah (**buy low**) dan jual dengan harga tinggi (**sell high**)



Untuk contoh di atas, katakan kita **beli** pada harga **1.8900**, dan setelah harga naik sehingga 1.9000, kita jual matawang tersebut. Oleh itu, kita telah untung 100 pip. ($1.9000 - 1.8900 = 100$)

- Trader mendapat **untung** dengan **mengumpul pip**. Pip ialah pergerakan price sebanyak 0.0001 atau 0.01 bergantung kepada currency pair yang anda pilih. **Nilai 1 pip bergantung kepada jenis akaun, leverage dan lot yang anda gunakan.** (akan diterangkan dalam bahagian yang seterusnya)

Jenis-jenis market

- Terdapat 2 jenis market yaitu Bullish & Bearish.

Bullish

Bullish bermaksud market sedang menaik atau **uptrend**.

Trader inginkan harga naik lebih tinggi.

Dalam market bullish, trader akan **beli dahulu pada harga rendah** (buy low first) dan **jual kemudian pada harga tinggi** (sell high later) untuk mendapatkan untung.

Position anda untuk market bullish ialah **BUY** atau **LONG**.



Gambar di atas menunjukkan graf EUR/JPY. Pada point A, trader buy EUR/JPY pada harga 147.83. Kemudian harga naik sehingga point B, dan trader sell EUR/JPY pada harga 148.61. Di sini trader mendapat untung 78 pip.

Pada point C, trader buy EUR/JPY pada harga 148.44 dan sell pada point D, iaitu pada harga 149.25. Di sini trader untung 81 pip.

Bearish

Bearish bermaksud market sedang menurun atau **downtrend**.

Trader inginkan harga turun lebih rendah.

Dalam market bearish, trader akan **jual dahulu pada harga tinggi** (sell high first) dan **beli kemudian pada harga rendah** (buy low later) untuk mendapatkan untung. Konsep tetap sama, buy low dan sell high, cuma **turutannya berbeza**. Position anda untuk market bearish ialah **SELL** atau **SHORT**.



Gambar di atas menunjukkan graf GBP/USD. Pada point A, trader sell GBP/USD pada harga 1.9005. Kemudian harga turun sehingga point B, dan trader buy GBP/USD pada harga 1.8945. Di sini trader mendapat untung 60 pip.

Pada point C, trader sell GBP/USD pada harga 1.8897 dan buy pada point D, iaitu pada harga 1.8799. Di sini trader untung 98 pip.

Konsep bearish ialah jual dahulu dan beli kemudian. Tetapi anda mungkin akan menganggap kita seolah-olah seperti menjual barang yang kita tiada. Konsep ini tidak sama dengan menjual barang dan tidak bermaksud menjual barang yang tiada. Konsep ini akan diterangkan kemudian.



Anda boleh melakukan 2 perkara sahaja iaitu **buy** atau **sell**. Anda perlu mengenalpasti sama ada market sedang **bullish** atau **bearish**. Jika market bullish, anda akan masuk position BUY dan jika market bearish, anda akan masuk position SELL.

Konsep BUY dan SELL



Sila lihat graf di atas. Dalam market bullish, contohnya graf USD/CHF, anda akan buy dahulu pada harga yang rendah, dan sell kemudian pada harga yang lebih tinggi. Apabila anda BUY, sebenarnya anda buy USD pada harga rendah dan sell CHF pada harga tinggi.

Graf USD/CHF menunjukkan graf menaik. Ini menunjukkan matawang USD menguat dan matawang CHF lemah berbanding USD. **Apabila USD kuat, anda akan buy USD dan memilih position BUY atau LONG.**



Dalam market bearish, contohnya graf GBP/JPY, anda akan sell dahulu pada harga yang tinggi, dan buy kemudian pada harga yang lebih rendah. Apabila anda SELL, sebenarnya anda sell GBP pada harga tinggi dan buy JPY pada harga rendah.

Graf GBP/JPY menunjukkan graf menurun. Ini menunjukkan matawang GBP lemah dan matawang JPY lebih kuat berbanding GBP. **Apabila JPY kuat, anda akan buy JPY dan memilih position SELL atau SHORT.**



Anda perlu mengetahui kelemahan atau kekuatan sesuatu matawang. Apabila suatu matawang kukuh dan menguat, anda akan beli matawang itu. Jika matawang lemah, anda akan jual matawang tersebut.

Topik ini akan diterangkan dengan lebih jelas pada muka surat 146.



- Pip merupakan unit ukuran bagi pergerakan harga. Jika harga naik daripada 1.9005 ke 1.9006, ia dikatakan telah naik 1 pip. Apabila harga turun daripada 1.9005 ke 1.9004, ia dikatakan telah turun 1 pip.
- 1 pip = 0.0001 atau 0.01 unit pergerakan bergantung kepada currency pair yang anda pilih.



- Dalam rajah di sebelah, GBP/USD mempunyai unit ukuran 0.0001 untuk 1 pip.



- Dalam rajah di sebelah, USD/JPY mempunyai unit ukuran 0.01 untuk 1 pip.



Lot, Margin dan Leverage

- Terdapat 2 jenis akaun yang ditawarkan oleh broker iaitu akaun **regular** dan akaun **mini**.
- Setiap transaksi atau urusan jual beli adalah dalam bentuk **lot**. Setiap kali anda trade, anda akan trade dalam bentuk lot. Nilai 1 lot adalah berbeza untuk akaun regular dan akaun mini.
- Jadual di bawah menunjukkan perbezaan antara kedua-dua jenis akaun mengikut standard leverage iaitu 1:100. (leverage akan diterangkan dalam topik yang seterusnya)

	Akaun Regular	Akaun Mini
Saiz bagi 1 lot	100,000 USD	10,000 USD
Modal yang anda perlu ada untuk 1 lot	1000 USD	100 USD
Minimum lot yang diperlukan untuk membuka akaun ini.	3 atau 4 lot (bergantung kepada broker)	3 atau 4 lot (bergantung kepada broker)
Nilai 1 pip untuk 1 lot	10 USD	1 USD

- Jika anda ingin membuka akaun regular atau akaun mini, anda perlu ada sekurang-kurangnya 3 atau 4 lot. Jika anda ingin membuka akaun regular, dan broker mengenakan syarat minimum 4 lot untuk membuka akaun regular, maka anda perlu ada modal sebanyak 4000 USD kerana nilai 1 lot ialah 1000 USD.
- Setiap kali anda trade atau membuat transaksi jual/beli, anda akan menggunakan sebahagian daripada modal anda. Ini dipanggil **margin**. Jika anda mempunyai modal sebanyak 5000 USD, anda menggunakan 1000 USD sebagai margin untuk anda trade. Selebihnya, 4000 USD digunakan sebagai **reserve** atau **back-up margin**.

Leverage

- Leverage mempunyai konsep yang sama seperti pinjaman.
- Apabila anda trade 1 lot utk akaun regular, saiz lot itu ialah 100,000 USD dan bermakna anda memerlukan modal sebanyak 100,000 USD untuk melakukan transaksi jual/beli currency pair.
- Oleh itu, jika kita tidak mempunyai modal yang banyak, kita tidak mampu membuka kedua-dua jenis akaun ini kerana kita tidak mempunyai duit sebanyak 10,000 USD atau 100,000 USD untuk 1 lot.
- Tetapi dengan adanya leverage, anda tidak perlu ada modal sebanyak itu.
- Leverage yang standard ialah 1:100. Ia bermaksud anda hanya perlu ada 1/100 atau 1% daripada jumlah sebenar. 1% ialah modal anda sendiri, 99% dipinjamkan oleh broker anda.
- Contoh pengiraan:

Akaun Regular: 100,000 USD

Leverage: 1:100

Ini bermakna, anda perlu ada 1% daripada 100,000 USD untuk 1 lot.

$$1\% \times 100,000 \text{ USD} = 1000 \text{ USD}$$

Oleh itu, nilai 1 lot untuk akaun regular = 1000 USD

	Akaun Regular (100,000 USD)	Akaun Mini (10,000 USD)
Nilai 1 lot untuk Leverage 1:100	$1/100 \times 100,000$ = 1000 USD	$1/100 \times 10,000$ = 100 USD
Nilai 1 lot untuk Leverage 1:200	$1/200 \times 100,000$ = 500 USD	$1/200 \times 10,000$ = 50 USD
Nilai 1 lot untuk Leverage 1:400	$1/400 \times 100,000$ = 250 USD	$1/400 \times 10,000$ = 25 USD
Nilai 1 lot untuk Leverage 1:500	$1/500 \times 100,000$ = 200 USD	$1/500 \times 10,000$ = 20 USD

- Dari jadual di atas, dapat dilihat bahawa apabila **leverage semakin tinggi, semakin kurang modal** yang perlu anda sediakan untuk 1 lot.
- Untuk semua leverage yang berbeza-beza, nilai 1 pip tetap sama bagi 1 lot. Jika akaun mini, 1 pip untuk 1 lot ialah 1 USD dan 1 pip untuk 1 regular lot ialah 10 USD.
- Katakan anda mempunyai modal 1000 USD dan anda ingin membuka akaun mini. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan leverage dengan menggunakan modal 1000 USD.

	Leverage 1:100	Leverage 1:200	Leverage 1:400
Contoh Modal	1000 usd	1000 usd	1000 usd
Nilai 1 mini lot	100 usd	50 usd	25 usd
Jumlah lot yg boleh diperolehi dengan modal 1000 usd	10 lot	20 lot	40 lot
Nilai 1 pip per lot	1 usd	1 usd	1 usd
Dengan modal 1000 USD, katakan anda menggunakan 100 USD margin untuk anda trade.			
Margin	100 usd	100 usd	100 usd
Jumlah lot yang anda gunakan	1 lot	2 lot	4 lot
Nilai 1 pip utk margin 100 usd	1 usd	2 usd	4 usd
Jika anda untung 10 pip	+ 10 usd	+ 20 usd	+ 40 usd
Jika anda untung 100 pip	+ 100 usd	+ 200 usd	+ 400 usd
Jika anda rugi 10 pip	- 10 usd	- 20 usd	- 40 usd

- Leverage yang besar akan memberikan pulangan yang besar kepada anda. Risiko juga semakin besar. Oleh itu, penggunaan leverage yang besar memerlukan money management yang betul.



Forex Quotes

- Forex Quotes terdiri daripada 2 matawang. Matawang di sebelah kiri dipanggil **Base Currency** dan matawang di sebelah kanan dipanggil **Quote** atau **Counter Currency**.



- Apabila anda BUY sesuatu currency pair, anda sebenarnya membeli Base Currency dan jika anda SELL, bermakna anda menjual Base Currency.

Name	Bid	Ask
EUR/USD	1.2675	1.2679
USD/JPY	118.16	118.20
GBP/USD	1.8721	1.8728
USD/CHF	1.2499	1.2509
USD/CAD	1.1175	1.1182
AUD/USD	0.7458	0.7463

- Forex Quotes terdiri daripada 2 harga iaitu **BID** dan **ASK**.
- Pembeli akan membeli pada harga yang rendah. Harga yang rendah ini dipanggil BID. (Buyer is BIDDING at lower price)
- Penjual akan menjual pada harga yang tinggi. Harga yang tinggi ini dipanggil ASK. (Seller is ASKING for a high price)
- Spread** ialah perbezaan di antara BID dan ASK. Dalam gambar di atas, spread bagi EUR/USD ialah 4 pip.
- Spread ialah bayaran yang dikenakan oleh broker ke atas setiap transaksi jual/beli yang dilakukan oleh trader.



Jenis-Jenis Order

Market Order

- Market order ialah sejenis order untuk **BUY atau SELL pada harga semasa.**

Limit Order (Take Profit Order)

- Limit order ialah sejenis order di mana anda boleh menetapkan berapa banyak keuntungan yang anda mahu dengan meletakkan harga tertentu untuk anda close position anda.
- Katakan anda BUY GBP/USD pada 1.8000 dan ingin mengambil untung sebanyak 20 pip. Anda boleh set Limit Order atau Take Profit anda pada harga 1.8020. Apabila harga naik mencecah 1.8020, position anda akan ditutup secara automatik.

Stop Order (Stop Loss Order)

- Stop Loss order ialah sejenis order di mana anda boleh menetapkan berapa banyak kerugian yang anda sanggup tanggung.
- Katakan anda BUY GBP/USD pada 1.8000 dan ingin mengambil untung sebanyak 20 pip. Jika harga naik, anda akan untung. Tetapi jika harga turun lebih rendah daripada 1.8000, anda akan rugi. Dengan menggunakan Stop Loss order, anda boleh tetapkan berapa pip anda sanggup rugi. Jika anda sanggup rugi 20 pip sahaja, anda boleh letakkan Stop Loss order pada harga 1.7980. Apabila harga turun sehingga 1.7980, position anda akan ditutup dan anda akan rugi 20 pip sahaja.
- Jika anda tidak meletakkan stop loss, anda mungkin akan rugi lebih daripada itu.



Buy Stop dan Buy Limit Order

- **Buy Stop** order ialah sejenis order untuk anda **BUY** pada mana-mana harga yang berada lebih **tinggi** daripada harga semasa.
- **Buy Limit** order ialah sejenis order untuk anda **BUY** pada mana-mana harga yang berada lebih **rendah** daripada harga semasa.

Sell Stop dan Sell Limit Order

- **Sell Limit** order ialah sejenis order untuk anda **SELL** pada mana-mana harga yang berada lebih **tinggi** daripada harga semasa.
- **Sell Stop** order ialah sejenis order untuk anda **SELL** pada mana-mana harga yang berada lebih **rendah** daripada harga semasa.



Jenis-jenis Trader

1: Scalper

- Menggunakan teknik **scalping** yaitu mengambil profit yang sedikit, selalunya kurang daripada 10 pip untuk setiap trade.
- Scalper selalunya trade lebih daripada 10 kali dalam sehari.
- Mendapat untung yang banyak apabila membuka banyak position dan mengumpul jumlah pip yang sedikit bagi setiap position.

2: Day Trader

- Position dibuka tidak lebih daripada 24 jam

3: Swing Trader

- Position dibuka lebih daripada 24 jam, mungkin 2 hari, 2 minggu, 2 bulan atau sebagainya.
- Merupakan mid-term & long-term trader.
- Mereka lebih suka trade mengikut arah trend, terutamanya trend yang besar (major trend pada timeframe 4 hour atau daily dan sebagainya).
- Trader akan dikenakan daily interest apabila position mereka dibiarkan/dibuka melebihi tempoh 24 jam. (bergantung kepada broker)



2 Cara Mendapatkan Untung

Cara 1: Luck/Tuah

- Anda bertuah dan bernasib baik jika anda mendapat untung daripada trading anda, tetapi anda tidak tahu apa yang anda lakukan. Nasib tidak akan menyebelahi kita sepanjang masa. Akan sampai masa di mana anda tidak bernasib baik dan hilang semua modal anda.

Cara 2: Mentor

- Anda belajar melalui mentor/guru dan mendapatkan maklumat yg betul tentang semua aspek mengenai FOREX. Paling penting, anda harus belajar 2 perkara iaitu:
 - a) belajar bila waktu yang sesuai untuk anda enter position dan bagaimana caranya.
 - b) belajar bila waktu yang sesuai untuk anda close position dan kenapa anda close position tersebut.

BAHAGIAN B1

PENGENALAN

ANALISIS

TEKNIKAL



Apakah Technical Analysis?

- Technical analysis ialah chart analysis di mana kita menganalisa chart/graf untuk mengetahui **trend** dan untuk mengetahui masa yang sesuai untuk enter position BUY atau SELL.
- Apabila trend ialah menaik (uptrend), kita akan memilih position BUY dan jika trend ialah menurun (downtrend), kita akan memilih position SELL.
- Technical analysis akan menggunakan **technical indicators** (*contoh: Bollinger Band, MACD, RSI, Moving Average, etc*) dan juga **charting tools** (*contoh: Trendline, Channel, Fibonacci Retracement, etc*) untuk membantu kita menganalisa trend dan pergerakan market.
- Technical analysis juga dapat menunjukkan kita permintaan (**demand**) dan penawaran (**supply**) terhadap sesuatu currency pair melalui konsep **support & resistance**.
- Technical indicators dan charting tools sudah disediakan oleh trading platform. Anda cuma perlu memilih trading platform yang sesuai dan mempunyai tools yang lengkap supaya dapat memudahkan anda membuat analisis.
- Semua indicators dan tools yang diajar dalam ebook ini akan menggunakan trading platform Metatrader 4.
- Setiap Technical indicators mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Ia digunakan untuk membantu kita membuat keputusan BUY dan SELL. Gabungan daripada indicator akan membentuk 1 trading sistem.



Jenis-Jenis Chart

- Terdapat 3 jenis chart yang popular iaitu **bar chart, candlestick chart dan juga line chart**.
- Candlestick chart menjadi pilihan ramai trader.
- Setiap candlestick mewakili pergerakan price bagi sesuatu masa.
Contohnya, **setiap candlestick pada chart 1 Hour mewakili pergerakan price untuk tempoh 1 jam**.



bar chart




candlestick chart




line chart

Bullish Candlestick



- Bullish candlestick ialah candle yang dibuka pada harga rendah dan ditutup pada harga tinggi.

Bearish Candlestick



- Bearish candlestick ialah candle yang dibuka pada harga tinggi dan ditutup pada harga lebih rendah.



Time Frame


- Dalam setiap platform, terdapat beberapa jenis time frame yang selalu digunakan untuk mewakili pergerakan price dalam bentuk graf.
- Time frame yang boleh didapati pada platform ialah
 - M1 (1 minit) •
M5 (5 minit)
 - M15 (15 minit)
 - M30 (30 minit)
 - H1 (1 jam)
 - H4 (4 jam)
 - D1 (Daily)
 - W1 (Weekly)
 - MN (Monthly)
- 1 candlestick pada graf D1 mewakili pergerakan price untuk 1 hari.
1 candlestick pada graf M5 mewakili pergerakan price untuk 5 minit. Begitu juga dengan time frame yang lain.
- Setiap time frame mempunyai trend pergerakan tersendiri. Tetapi secara keseluruhannya, **pergerakan price pada time frame yang kecil akan mengikut arah trend pada time frame yang lebih besar.**





Technical Indicators

i) Bollinger Band (BB)

- Bollinger Band terdiri daripada **upper band**, **middle band** dan **lower band**.
- BB digunakan untuk melihat **trending market** (BB mengembang) dan juga **ranging market** (BB mengecut). Trending dan ranging market akan diterangkan dalam bab yang seterusnya. Sila rujuk mukasurat 86.
- Apabila candle berada di atas middle band, ia menunjukkan uptrend. Jika candle di bawah middle band, ia menunjukkan downtrend.





ii) Relative Strength Index (RSI)



- RSI terdiri daripada 3 level iaitu 70, 50 dan 30.
- Price akan berada dalam keadaan **overbought** bila RSI berada di atas level 70.
- Price akan berada dalam keadaan **oversold** bila RSI berada di bawah level 30.
- Apabila RSI berada atas **level 50, ia menandakan Up Trend**. Apabila RSI berada bawah **level 50, ia menandakan Down Trend**.

iii) MACD



- MACD terdiri daripada:
 - Line biru
 - Line merah putus-putus
 - Histogram (hijau)
 - Level 0.00
- Konsep Asas MACD:
 - Apabila line biru atas level 0.00 = Up Trend
 - Apabila line biru bawah level 0.00 = Down Trend
- MACD crossover
 - Apabila line biru dan line merah bersilang, trend akan berubah. Sila lihat rajah di atas.
- MACD digunakan untuk:
 - Melihat signal buy atau sell setiap kali MACD bersilang.
 - Melihat divergence. (Sila rujuk mukasurat 96)

iv) Stochastic Oscillator (Stoch)



- Stoch terdiri daripada:
 - 2 line - line biru & line merah
 - 3 level - level 80, level 50 & level 20
- Stoch(21, 8, 13) - digunakan untuk melihat price **overbought/oversold**
- Level atas daripada 80 menunjukkan price berada dalam keadaan overbought. Jika stoch berada atas daripada 90, bermakna market tersangat overbought dan sudah tiada kekuatan untuk naik lebih tinggi. Pada kawasan ini, kita akan **menunggu** signal untuk sell.
- Level bawah daripada 20 menunjukkan price berada dalam keadaan oversold. Jika stoch berada bawah daripada 10, bermakna market tersangat oversold dan sudah tiada kekuatan untuk turun lebih rendah. Pada kawasan ini, kita akan **menunggu** signal untuk buy.
- Setiap kali line biru dan line merah bersilang (sila rujuk "crossing" dalam rajah di atas), trend juga akan berubah.

v) Moving Average (MA)

- MA ialah average (purata) bagi price dalam tempoh masa yang tertentu. Contohnya: MA 20 bermaksud purata harga untuk 20 hari terakhir.
- Terdapat 4 method untuk menghasilkan MA iaitu **simple (SMA)**, **exponential (EMA)**, **linear weighted (LWMA)** dan **smoothed**.
- MA selalu digunakan untuk menghasilkan signal BUY dan SELL melalui persilangan 2 MA. (MA crossing)



- Rajah di atas menunjukkan WMA 5 (biru) bersilang dengan WMA 20 (merah). Apabila WMA 5 **bersilang ke bawah** WMA 20, ia akan menghasilkan **signal SELL**.



- Rajah di atas menunjukkan WMA 5 (biru) bersilang dengan WMA 20 (merah). Apabila WMA 5 **bersilang ke atas** WMA 20, ia akan menghasilkan **signal BUY**.



Charting Tools

i) Trendline

- Kegunaan utama Trendline ialah untuk **melihat trend** dan juga **perubahan trend**.
- Sila lihat rajah di bawah. Secara umum, kita dapat lihat bahawa pergerakan price ialah menaik, oleh itu, trend bagi graf di bawah ialah menaik atau uptrend.



- Apabila anda lihat trend menaik, price bergerak semakin tinggi, tetapi tidak bermakna price terus naik tanpa henti.
- **Price bergerak dalam bentuk WAVE**. Oleh itu, anda dapat lihat price bergerak naik, turun, naik, turun dan seterusnya.
- Wave dapat dilihat dengan jelas menggunakan **indicator ZigZag**.



- Dalam rajah di atas, keseluruhan trend ialah menaik. Tetapi, trend ini terdiri daripada beberapa wave. Ada wave menaik dan ada wave menurun.
- Setiap wave itu mempunyai trend tersendiri. Trend bagi wave menaik ialah uptrend dan trend bagi wave menurun ialah downtrend.





- Rajah di atas menunjukkan keseluruhan trend ialah menurun.



- Trend menurun ini terdiri daripada beberapa wave. Dan setiap wave itu mempunyai trend masing-masing. (sila rujuk rajah seterusnya)



- Sila lihat rajah di bawah. Kita akan mengkaji wave yang ditunjukkan dalam rajah ini dan bagaimana cara untuk menggunakan tools Trendline pada wave ini untuk melihat trend dan melihat perubahan trend yang bakal berlaku.





- Trend bagi wave yang ditunjukkan dalam rajah di atas ialah menurun atau downtrend. Bagaimana kita hendak mengetahui bahawa trend ini masih dalam keadaan menurun atau adakah ia sudah menunjukkan tanda-tanda bahawa trend akan berubah arah dan bergerak naik ke atas?
- Kita akan melukis trendline pada graf ini. Sila delete indicator zigzag daripada chart anda. (Jika anda memasang indicator ini)



- Disebabkan trend ialah downtrend, anda perlu **pilih 2 point tertinggi** dalam wave tersebut. Anda boleh pilih mana-mana point yang anda suka. Selepas anda memilih point tersebut, sambungkan 2 point ini menggunakan Tools trendline.
- Selepas anda melukis trendline ini, anda akan lihat candlestick berada di bawah trendline. Selagi candlestick berada di bawah trendline, ia menunjukkan trend masih downtrend.



- Jika trend ialah uptrend, anda perlu **pilih 2 point terendah** dalam wave tersebut. Kemudian sambungkan point ini dengan trendline.
- Selepas anda melukis trendline, anda dapat lihat semua candlestick berada di atas trendline. Selagi candlestick berada atas daripada trendline, maka trend masih lagi uptrend.
- Cara ini merupakan cara yang paling mudah untuk melihat trend bagi sesuatu graf.
- Anda boleh melukis trendline ini pada mana-mana timeframe kerana setiap timeframe mempunyai wave dan trend yang berbeza-beza.



- Berdasarkan rajah di atas, candlestick berjaya bergerak naik dan melepasi trendline. Ini menunjukkan perubahan trend.
- Dalam keadaan uptrend, trend akan berubah kepada downtrend apabila candlestick berjaya turun ke bawah melepasi trendline.
- Dalam keadaan downtrend, trend akan berubah kepada uptrend apabila candlestick berjaya naik ke atas melepasi trendline.



ii) Channel

- Channel mempunyai konsep yang hampir sama dengan trendline.
 - Ia digunakan untuk **melihat trend**. Sila lihat rajah di bawah.
- Keseluruhan trend bagi graf ini ialah downtrend.



- Cari 2 point tertinggi dan sambungkan menggunakan trendline. Anda dapat melihat dengan jelas trend ini ialah downtrend.



- Cari 2 point terendah dalam wave ini dan sambungkan dengan trendline. Kini anda mendapat 2 trendline.
- 2 trendline ini akan membentuk satu channel



- Channel anda tidak semestinya selari.
- Anda dapat lihat dengan jelas price bergerak turun dalam lingkungan channel itu.





- Channel memudahkan mata kita untuk melihat arah pergerakan trend dengan lebih jelas. Ini dapat membantu anda membuat keputusan yang betul dalam memilih position BUY atau SELL.
- Apabila candlestick bergerak mengikut arah trend dan terkeluar daripada channel, ia menunjukkan **pertambahan momentum**. Jika ia bergerak bertentangan dengan arah trend semasa dan terkeluar daripada channel, ia menunjukkan **trend akan berubah**.



iii) Fibonacci Retracement

Pengenalan Fibonacci

- Sebelum menggunakan Fibonacci Retracement, anda perlu tahu apa itu fibonacci dan kegunaannya dalam technical analysis.
- Fibonacci number ialah turutan nombor yang dihasilkan dengan menambahkan 2 nombor yang sebelumnya.
- Nombor itu **bermula dengan 0 dan 1**. Untuk mendapatkan nombor seterusnya, kita perlu campurkan 0 dengan 1. Oleh itu, turutan yang akan kita dapat ialah **0, 1, 1**.
- Untuk mendapatkan nombor seterusnya, kita perlu tambahkan 2 nombor yang terkini iaitu 1 dan 1. **$1 + 1 = 2$** . Oleh itu, turutan yang akan kita dapat ialah 0, 1, 1, 2.
- **Turutan fibonacci: 0, 1, 1, 2, 3, 5, 8, 13, 21, 34, 55, 89, 144, 233**

Golden Ratio

- **1.618** dipanggil golden ratio atau **nature number**. Ini adalah kerana 1.618 ni boleh didapati di mana-mana di dalam kehidupan kita.
- Cara untuk mendapatkan 1.618:
 - Ambil nombor dalam turutan fibonacci dan bahagikan dengan nombor sebelumnya.
 - Contoh 1: $233 / 144 = 1.618$
 - Contoh 2: $144 / 89 = 1.6179$
 - Contoh 3: $89 / 55 = 1.618$
- Untuk melihat kelebihan nature number ini, sila lihat website ini: <http://goldennumber.net/>
- Disebabkan 1.618 ini boleh didapati di mana-mana, oleh itu ia juga boleh digunakan dalam forex.
- Tools seperti fibonacci retracement dan fibonacci expansion mempunyai level 61.8 dan 161.8. Level ini merupakan level **favourite** untuk profit target dan retracement.

Fibonacci Retracement

- Seperti yang anda sudah sedia maklum, price bergerak dalam bentuk wave. Setiap kali price bergerak naik dan membentuk wave menaik, ia akan turun semula dan membentuk wave menurun. Ini dapat dilihat dalam keadaan uptrend.
- Dalam keadaan downtrend, kita dapat lihat wave menurun diikuti oleh wave menaik dan kemudian disambung semula oleh wave menurun.
- Setiap pergerakan akan mengikut trend masing-masing. Jika trend keseluruhan ialah uptrend, maka price akan bergerak naik. Tetapi, price tidak boleh terus naik mendadak 400 pip tanpa henti. Sebelum meneruskan trend, price mungkin akan turun sedikit sebelum ia bergerak ke atas mengikut arah trend yang sebenar.



- Rajah di atas menunjukkan trend keseluruhan ialah uptrend. Dan price bergerak dalam bentuk wave. Terdapat wave menaik dan wave menurun.

- Dalam keadaan uptrend, apabila price bergerak melawan arah trend (ke bawah), ia dipanggil **retracement** atau **correction**.
- Dalam keadaan downtrend, apabila price bergerak melawan arah trend (ke atas), ia dipanggil **retracement** atau **correction**.
- Dalam setiap trend, pasti akan ada retracement. Kita perlu tahu sejauh mana price itu akan retrace sebelum ia meneruskan trend yang asal.



- Merujuk kepada rajah di atas, trend keseluruhan ialah uptrend. Wave pertama ialah wave menaik. Kemudian price mulai turun untuk membentuk wave menurun. Di sini kita perlu tahu sejauh mana price boleh turun sebelum ia terus naik ke atas mengikut arah trend.
- Di sini kita akan menggunakan Tool Fibonacci Retracement yang terdapat dalam Metatrader 4.




- Kenalpasti wave anda. Untuk memudahkan anda melihat wave itu, gunakan indicator ZigZag. Kenalpasti point tertinggi dan terendah bagi wave tersebut.
- Dalam rajah di atas, point terendah ditandakan dengan A dan point tertinggi ditandakan dengan B. Lukis Fibonacci Retracement daripada point A hingga point B.
- Setelah melukis Fibonacci Retracement pada 2 point ini, anda dapat lihat level-level retracement daripada 0.0 hingga 100.0. Price mungkin akan retrace sehingga salah 1 daripada level ini.



- Pada wave di atas, anda dapat lihat price retrace sehingga level 50.0. Selepas itu, price terus naik mengikut arah trend sebenar.




- Fibonacci Retracement terdiri daripada level retracement dan level extension. Level retracement digunakan untuk melihat sejauh mana price retrace sebelum meneruskan pergerakan mengikut arah trend.
- Level retracement ialah level-level di antara 0.0 hingga 100.0.
- Semua level di atas 100.0 ialah level extension. Ia digunakan untuk melihat sejauh mana price dapat bergerak pada masa akan datang.



- Rajah di atas menunjukkan cara untuk melukis Fibonacci Retracement pada wave menaik supaya semua level extension berada di bahagian atas. Anda boleh menjadikan salah 1 level extension sebagai profit target anda.
- Untuk melihat retracement, anda boleh melukis fibonacci pada 1 wave. Anda boleh melukis daripada point tertinggi hingga point terendah wave tersebut atau sebaliknya. Hasilnya tetap sama, Cuma level retracement yang anda lihat mungkin berbeza. Setiap level adalah simetri. Level 76.4 adalah sama dengan level 23.6 jika

anda melukis fibonacci dengan cara yang terbalik. Level 61.8 pula sama dengan level 38.2.



- Rajah di atas menunjukkan cara untuk melukis Fibonacci Retracement pada wave menurun supaya semua level extension berada di bahagian bawah. Anda boleh menjadikan salah 1 level extension di bawah sebagai profit target anda.
- Sila lihat rajah berikut. Fibonacci Retracement dilukis dari Point B hingga Point A. Kemudian anda dapat lihat semua level extension berada di bahagian atas. Price akan naik dan berhenti pada salah 1 level extension. Dalam rajah di bawah, price naik sehingga level 223.6.
- Bagaimana kita tahu price dapat naik atau turun sehingga level tertentu? Ini dapat diketahui dengan menggunakan konsep Support dan Resistance yang akan diterangkan dalam bab seterusnya.



- Rajah di bawah ialah contoh melukis Fibonacci Retracement pada market downtrend.





- Fibonacci Retracement dilukis dari Point A hingga Point B. Anda dapat lihat price retrace sehingga level 50.0.



- Kemudian lukiskan Fibonacci Retracement dari Point B hingga Point A supaya semua level extension berada di bawah. Anda dapat lihat, selepas price naik sebanyak 50%, ia turun sehingga level extension 138.2.



- Anda boleh lukis Fibonacci Retracement pada mana-mana time frame. Tetapi, adalah digalakkan untuk melukis Fibonacci Retracement pada time frame yang lebih besar seperti H1, H4, Daily dan Weekly supaya kita dapat melihat retracement bagi trend yang lebih besar.

iv) Fibonacci Expansion

- Fibonacci Expansion terdiri daripada 3 level iaitu 61.8, 100.0 dan 161.8.
- Ketiga-tiga level ini digunakan sebagai profit target. Anda boleh memilih salah 1 level untuk dijadikan sebagai level Take Profit anda.
- Syarat untuk melukis Fibonacci Expansion ialah:
 - Anda perlu ada 2 wave. Wave pertama ialah wave yang mengikut arah trend. Wave kedua ialah wave yang melawan arah trend atau dipanggil correction/retracement wave.
 - Anda akan menggunakan 3 point yang terdapat dalam 2 wave ini untuk melukis Fibonacci Expansion.
- Anda perlu melukis Fibonacci Retracement terlebih dahulu dan lihat price retrace sehingga level yang mana. Anda perlu Point A dan Point B untuk melukis Fibonacci Retracement. Setelah price retrace ke level tertentu, kita akan menggunakan point pada level retracement tersebut sebagai Point C. Sila lihat contoh di bawah.



- Merujuk rajah di bawah, anda melukis Fibonacci Retracement pada wave menaik yang pertama. Anda dapat lihat price retrace sehingga level 76.4. Point pada level 76.4 akan menjadi Point C.



- Merujuk kepada rajah di atas, anda sudah mempunyai Point A, Point B dan Point C. Ketiga-tiga point ini diperlukan untuk melukis Fibonacci Expansion.
- Anda dapat lihat level 61.8, 100.0 dan 161.8. Anda boleh menjadikan salah 1 daripada level ini sebagai profit target anda.
- **PERINGATAN:** Syarat untuk **Point C ialah ianya tidak boleh retrace sebanyak 100%**. Ia mesti retrace kurang daripada 100%. Atau dalam bahasa yang lebih mudah, Point C tidak boleh lebih rendah daripada Point A (untuk market uptrend) dan Point C tidak boleh lebih tinggi daripada Point A (untuk market downtrend).
- Berikut ialah contoh melukis Fibonacci Expansion pada market downtrend.



- Langkah pertama ialah mengenalpasti Point A, Point B dan Point C. Point C tidak boleh lebih tinggi daripada Point A.
- Kemudian lukiskan Fibonacci Expansion pada point-point tersebut.



- Anda boleh pilih mana-mana level sebagai profit target anda.

BAHAGIAN B2

SUPPORT DAN RESISTANCE



Apakah Support & Resistance?

- Memahami konsep Support & Resistance (S&R) adalah sama seperti memahami konsep bagaimana market bergerak.
- Level S&R pada chart sebenarnya adalah persembahan secara bergrafik yang mewakili **supply (penawaran)** dan **demand (permintaan)**. Sebenarnya, supply dan demand yang menggerakkan market dan membuatkan harga naik dan turun.
- Apabila demand (pembelian) lebih besar daripada supply (penjualan), maka harga akan naik. Harga matawang itu akan naik lebih tinggi sehingga sampai pada satu tahap di mana berlaku salah 1 senario, sama ada demand untuk matawang itu berkurangan atau amaun untuk supply semakin meningkat. Pada tahap ini, supply (penjualan) akan melebihi demand (pembelian). Ini akan menghalang price untuk naik lebih tinggi. Halangan untuk price naik lebih tinggi dipanggil Resistance. **Resistance bertindak seperti siling (ceiling) yang menghalang price untuk naik ke atas.**
- Sebaliknya, jika supply (penjualan) lebih besar daripada demand (pembelian), maka harga akan turun. Harga matawang itu akan turun lebih rendah sehingga sampai pada satu tahap di mana berlaku salah 1 senario, sama ada demand untuk matawang itu meningkat atau amaun untuk supply semakin berkurangan. Pada tahap ini, demand (pembelian) akan melebihi supply (penjualan). Ini akan menghalang price untuk turun lebih rendah. Halangan untuk price turun lebih rendah dipanggil Support. **Support bertindak seperti lantai (floor) yang menghalang price untuk turun ke bawah.**
- Support boleh bertukar menjadi Resistance dan Resistance boleh bertukar menjadi Support.



Indicator dan Tools yang digunakan untuk melihat Support & Resistance

ZigZag

- Cara pertama melihat S&R ialah melalui konsep **Previous Low (Point terendah yang sebelumnya dan lebih rendah daripada harga semasa)** dan **Previous High (Point tertinggi yang sebelumnya dan lebih tinggi daripada harga semasa)**. Point ini dilihat pada wave yang dilukis oleh indicator ZigZag.
- Kita akan melihat point terendah bagi wave tersebut sebagai support dan point tertinggi bagi wave tersebut sebagai resistance.
- Anda boleh melihat Previous Low dan Previous High pada mana-mana timeframe.





- Rajah di atas menunjukkan cara-cara untuk melihat previous low dan previous high.

Moving Average

- Moving Average (MA) selalu digunakan untuk melihat S&R. Anda boleh menggunakan MA yang mempunyai period yang besar untuk melihat S&R. Anda juga boleh gunakan MA yang mempunyai period yang kecil, tapi dilihat pada timeframe yang besar.
- Anda boleh **gunakan EMA 5, EMA 20 dan EMA 55 pada timeframe Daily**. Anda juga boleh gunakan **SMA 200** pada timeframe **Daily, H4 dan H1**.
- Dalam rajah di bawah, EMA 5 berwarna biru, EMA 20 (merah), EMA 55 (kuning) dan SMA 200 (hitam). Anda dapat lihat EMA 20 dan EMA 55 bertindak sebagai support. Ia menghalang price untuk turun. Candlestick tidak dapat turun melepasi EMA tersebut. SMA 200 bertindak sebagai resistance, terdapat 6 candlestick yang tidak berjaya naik melepasi resistance tersebut.



- Dalam rajah di bawah, SMA 200 (hitam) bertindak sebagai support pada timeframe H4. 4 candlestick cuba untuk melepasi support ini tetapi tidak berjaya. Ia berjaya melepasi support ini pada cubaan yang ke-5, iaitu candlestick yang ke-5 berjaya turun melepasi support tersebut. **Candlestick dikatakan tidak dapat melepasi S&R apabila body candlestick itu dan Close Price bagi candlestick tidak dapat melepasi S&R.**



Fibonacci Retracement

- **Setiap level retracement dan level extension boleh dijadikan sebagai S&R.** Dalam rajah di bawah, price retrace sehingga level 50. Terdapat 2 candlestick yang cuba turun ke bawah level 50 tetapi tidak berjaya. Oleh itu, level 50 bertindak sebagai support dan menghalang price untuk turun lebih rendah.



- Sila lihat rajah seterusnya. Ia menunjukkan bagaimana level extension bertindak sebagai support dan resistance. Level 138.2 bertindak sebagai support kerana ada 4 candlestick yang cuba untuk turun melepasi level ini tetapi tidak berjaya. Price kemudian naik sehingga level 161.8. Selepas itu price bergerak antara level 161.8 hingga 176.4. Oleh itu, level 161.8 ialah support dan level 176.4 ialah resistance.



Trendline

- Trendline boleh digunakan untuk melihat support dan resistance.
- Dalam rajah di bawah, Trendline dilukis pada 2 point iaitu point pertama pada bulan October dan point kedua pada bulan November. Ia menghasilkan 1 trendline. Trendline ini bertindak sebagai support dan boleh menghalang price untuk turun lebih rendah. Pada 5 January 2007, price turun sehingga trendline itu, tetapi body candlestick itu masih berada di atas trendline. Kita dapat membuat kesimpulan bahawa price tidak dapat melepasi support tersebut dan long-term trend masih uptrend.



Channel

- Kedua-dua trendline yang membentuk channel boleh menjadi S&R.





Kekuatan Support & Resistance

- Apakah kepentingannya kepada kita untuk mengetahui kekuatan sesuatu S&R? **Jika sesuatu S&R itu kuat, price susah untuk melepasi S&R tersebut.**
- Bagaimana untuk mengetahui sesuatu S&R itu kuat atau tidak?
- Kekuatan S&R diukur dengan mengira berapa kali market menguji area S&R tersebut. Lebih banyak ia diuji, maka S&R itu akan menjadi lebih kuat.
- Sesuatu S&R juga akan menjadi kuat apabila anda dapat lihat **pelbagai jenis indicator atau tools yang berkumpul pada 1 tempat/kawasan dan menjadi penghalang untuk price naik atau turun.**
- Jika anda lihat 3 candlestick tidak dapat melepasi S&R pada Daily chart, S&R tersebut boleh dikatakan sebagai S&R yang kuat. Tetapi, semuanya bergantung juga pada pergerakan trend.
- **50% Retracement level pada Daily chart** boleh menjadi S&R yang kuat.
- Sila lihat rajah di bawah. Support dalam graf ini dikatakan kuat kerana terdapat 3 candlestick yang tidak dapat melepasi retracement level 50 dan ia juga tidak dapat melepasi EMA 55 (kuning) pada Daily chart.



- Sila lihat rajah di bawah. Support dalam graf ini dikatakan kuat kerana terdapat 3 candlestick yang tidak dapat melepasi retracement level 50% pada Daily chart.



- Sila lihat rajah di bawah. Support dalam graf ini dikatakan TIDAK kuat kerana candlestick dapat melepasi retracement level 50% dan EMA 55 (kuning) pada Daily chart. Support yang seterusnya ialah level 38.2.



Rajah di atas menunjukkan support yang kuat. Terdapat 6 candlestick yang tidak dapat melepasi support tersebut.



Daily Pivots

- Daily pivots ialah indicator yang akan plotkan nilai-nilai Pivot, R1, R2, R3, S1, S2 dan S3 setiap hari. Nilai ini adalah berbeza-beza setiap hari, bergantung kepada nilai Open, High, Low dan Close untuk hari sebelumnya.
- Setiap hari, price akan bergerak dalam lingkungan R3 (paling tinggi) dan juga S3 (paling rendah).
- Pivot merupakan kawasan neutral bagi price. Jika price berada di atas pivot, ia selalunya menunjukkan uptrend. Jika price di bawah pivot, ia menunjukkan downtrend.
- R1 (Resistance 1), R2 (Resistance 2) dan R3 (Resistance 3) merupakan level resistance yang boleh anda jadikan rujukan sebagai resistance untuk hari tersebut. Anda juga boleh jadikan R1, R2 dan R3 sebagai profit target anda. Begitulah sebaliknya untuk support.





Breakout

- Breakout merupakan satu keadaan di mana price dapat melepasi S&R.
- Breakout boleh menunjukkan sesuatu trend itu meneruskan trend atau berubah trend.



- Rajah di atas menunjukkan market dalam keadaan uptrend. Price bergerak dalam jarak antara retracement level 61.8 (support) hingga level 100 (resistance). Kemudian berlaku breakout dan price bergerak naik untuk meneruskan trend.



- Rajah di atas menunjukkan market dalam keadaan downtrend. Selepas itu, price bergerak dalam jarak antara retracement level 23.6 (resistance) hingga level 50.0 (support). Kemudian berlaku breakout dan price bergerak naik dan berubah trend kepada uptrend.



Gaps

- Gaps ialah ruang kosong di atas chart yang menjarakkan candlestick itu dengan candlestick yang sebelumnya. Ia selalu terjadi pada permulaan trading hour.
- Gap juga boleh bertindak sebagai S&R. Kenalpasti high dan low untuk gap itu. High point bagi gap ialah resistance dan low point bagi gap ialah support.
- Apabila terjadi gap, selalunya gap ini akan dipenuhi semula. Jika terjadi gap seperti di bawah, selalunya ruang kosong itu akan dipenuhi semula dengan candlestick pada masa akan datang.
- Untuk contoh rajah di bawah, ini bermakna, price akan naik semula untuk memenuhi gap tersebut.



- Sila lihat rajah seterusnya untuk melihat bagaimana gap ini dipenuhi.



- Rajah di bawah menunjukkan 1 contoh gap yang lain.



BAHAGIAN B3

TREND



Mengenalpasti Trend

- Sebelum melakukan trading harian anda, anda perlu mengenalpasti trend.
- Terdapat 2 jenis trend iaitu Uptrend dan Downtrend.
- Trend terdiri daripada minor, major, short-term, dan long-term.
- Minor trend dapat dilihat pada timeframe yang lebih kecil drp H1 iaitu M30, M15 dan M5.
- Major trend dapat dilihat pada H1, H4 dan Daily. Short term trend dapat dilihat pada Daily dan Weekly Chart. Long-term trend boleh dilihat pada Weekly dan Monthly Chart
- **UPTREND:**
 - Anda dapat lihat market membuat high dan low yang lebih tinggi. (higher high & higher low)



- **DOWNTREND:**

- Anda dapat lihat market membuat high dan low yang lebih rendah. (lower high & lower low)
- Market juga mencipta level S&R yang lebih rendah.



- Anda perlu lihat sama ada market mempunyai trend atau tidak. Jika ia mempunyai trend, adakah trend itu uptrend atau downtrend?
- Jika market kelihatan seperti tidak mempunyai trend, ia dipanggil sideways atau ranging. Ranging bermaksud price bergerak dalam satu range atau jarak.
- Apabila market sedang ranging, ia memberikan peluang kepada trader untuk menunggu kemunculan tanda-tanda perubahan trend atau breakout yang menunjukkan trend itu akan diteruskan.
- Jika ranging market itu mempunyai range yang besar, anda mempunyai peluang untuk trade dalam kawasan range itu sendiri.

Cara mengenalpasti Trend secara umum

1. Lukis Trendline

- Jika candlestick berada di atas trendline, trend ialah uptrend.
- Jika candlestick berada di bawah trendline, trend ialah downtrend.

Cara mengenalpasti Trend pada Daily Chart

(Sila gunakan template sugarushfx daily trend pada chart D1)

1. Moving Average

- 5 EMA
 - i. 5 EMA menghala ke atas = Trend semasa ialah UP
 - ii. 5 EMA menghala ke bawah = Trend semasa ialah DOWN
 - iii. 5 EMA mendatar @ flat = Trend semasa ialah sideways atau ranging
- 20 EMA
 - i. Price berada di atas 20 EMA = Major trend ialah UP.
 - ii. Price berada di bawah 20 EMA = Major trend ialah DOWN.
 - iii. Price berada di sekitar dan hampir dengan 20 EMA = Trend ialah sideways.
- 55 EMA
 - i. 55 EMA menghala ke atas = Long Term Trend ialah UP
 - ii. 55 EMA menghala ke bawah = Long Term Trend ialah DOWN
 - iii. 55 EMA boleh menjadi S&R yang penting.

2. RSI

- RSI bawah 50
 - i. Ia menunjukkan trend semasa ialah downtrend.
 - ii. Jika RSI menghala ke bawah, trend ialah downtrend.
 - iii. Jika RSI menghala ke atas, mungkin berlaku retracement atau perubahan trend.

- iv. Jika RSI oversold, market mungkin sudah hampir dengan Support. Sila perhatikan support dan lihat tanda-tanda trend reversal.
- v. Elakkan memasuki position SELL jika RSI oversold dan RSI mula menghala ke atas.
- RSI atas 50
 - i. Ia menunjukkan trend semasa ialah uptrend.
 - ii. Jika RSI menghala ke atas, trend ialah uptrend.
 - iii. Jika RSI menghala ke bawah, mungkin berlaku retracement atau perubahan trend.
 - iv. Jika RSI overbought, market mungkin sudah hampir dengan Resistance. Sila perhatikan resistance dan lihat tanda-tanda trend reversal.
 - v. Elakkan memasuki position BUY jika RSI overbought dan RSI mula menghala ke bawah.

Pergerakan Trend Secara Keseluruhan pada Daily Chart

- BULLISH MARKET:
 - 5 EMA di atas 20 EMA DAN 20 EMA di atas 55 EMA
- BEARISH MARKET:
 - 5 EMA di bawah 20 EMA DAN 20 EMA di bawah 55 EMA



Cara mengenalpasti Trend pada 4 Hour (H4) Chart

(Sila gunakan template sugarushfx daily trend pada chart H4)

1. Strong Uptrend
 - 5 EMA menghala ke atas.
 - RSI berada di atas 50 dan menghala ke atas.
2. Weak Uptrend
 - 5 EMA menghala ke atas.
 - RSI berada di bawah 50 dan menghala ke atas.
3. Strong Downtrend
 - 5 EMA menghala ke bawah.
 - RSI berada di bawah 50 dan menghala ke bawah.
4. Weak Downtrend
 - 5 EMA menghala ke bawah.
 - RSI berada di atas 50 dan menghala ke bawah.
5. Sideways
 - a. 5 EMA dan RSI flat atau mendatar.

Bagaimana membaca trend?

1. Kenalpasti Daily Trend.
2. Kenalpasti 4 Hour Trend.
3. Jika trend pada Daily Chart dan 4 Hour Chart sama, maka, trend yang anda lihat merupakan trend yang betul.
4. Jika trend pada Daily Chart dan 4 Hour Chart tidak sama, maka ini menunjukkan mungkin berlaku retracement atau mungkin akan berlaku perubahan trend.
5. Setelah mengenalpasti trend, anda boleh buat keputusan sama ada anda akan BUY atau SELL, bergantung kepada trend yang anda lihat.
6. Setelah membuat keputusan, anda boleh pilih mana-mana trading system yang saya sediakan dan tunggu syarat-syarat yang lengkap untuk anda enter position mengikut arah trend yang anda lihat.
7. Sejauh mana trend ini akan bergerak? Sila perhatikan Support dan Resistance.



Trendline

- Trendline merupakan tool yang penting untuk melihat trend. Ia juga merupakan cara termudah untuk melihat trend pada mana-mana timeframe.
- Apabila trendline yang dilukis hampir kepada sudut 45 darjah, trend itu lebih stabil dan market bergerak dalam trend.
- Trendline yang terlampau curam (steep) atau terlampau cetek (shallow) kurang stabil dan lebih cenderung untuk berlaku trend reversal (perubahan trend).
- Sebaik-baiknya anda lukis trendline pada timeframe yang besar seperti daily chart.
- Lukis trendline dari kiri ke kanan. Pilih sekurang-kurangnya 2 point untuk sambungkan trendline.
- Pilih 2 point yang terkini dan paling kanan di atas chart.
- **Bullish Trendline:** Cari point-point dari kanan ke kiri. Bermula dengan support paling tinggi dan paling kanan. Sambungkan support sebanyak yang mungkin.
- **Bearish trendline:** Cari point-point dari kanan ke kiri. Bermula dengan resistance yang paling rendah dan paling kanan. Sambungkan resistance sebanyak yang mungkin.
- Jika trendline dapat ditembusi, anda boleh melukis 1 trendline yang baru. Sila rujuk rajah seterusnya.

Lukis trendline anda. Tetapi trendline dapat ditembusi.



Lukis trendline yang baru.





Permulaan, Pertengahan atau Penghujung Trend?

- Bagaimana anda dapat mengetahui di mana trend sekarang?
- Di sini anda harus mengaplikasikan konsep Support & Resistance.
- Pada **Permulaan Trend** dan **Penghujung Trend**, anda akan dapat melihat tanda-tanda trend reversal. Trend Reversal akan dibincangkan dalam topik seterusnya. Dan price akan berada hampir dengan Support atau Resistance yang penting. Anda juga dapat melihat indicator yang menunjukkan price berada dalam keadaan overbought atau oversold.
- Pada **Pertengahan Trend**, anda dapat melihat market bergerak sama ada uptrend atau downtrend. Tetapi, kedudukan price sekarang adalah jauh daripada Support atau Resistance yang penting. Price akan bergerak mengikut trend dan menuju ke arah Support atau Resistance yang kuat. Oleh itu, anda perlu kenalpasti di mana Support atau Resistance itu terletak.



Trend Reversal

- Trend reversal ialah perubahan trend. Apabila anda melihat tanda-tanda trend reversal, ini bermakna trend akan berubah.
- Trend reversal tidak berlaku sekelip mata, terutamanya perubahan major trend. Jika trend akan berubah, ia akan mengambil sedikit masa dan pada masa tersebut, akan keluar tanda-tanda trend reversal.
- Sejauh mana trend boleh bergerak selepas berlaku reversal? Sila rujuk Support dan Resistance yang terdapat pada chart anda.


Cara melihat Trend Reversal

1. **Trendline:** Apabila candlestick dapat menembusi trendline, dan ini menunjukkan bahawa trend akan berubah.

2. Candlestick Reversal Pattern


- Terdapat pebagai jenis pattern yang dapat dilihat menggunakan candlestick. Pattern yang paling penting ialah reversal pattern (pattern yang menunjukkan perubahan trend)

Engulfing






Hammer & Hanging Man






Morning Star & Evening Star





Inverted Hammer & Shooting Star





3. Divergence:

- Divergence bermaksud pergerakan price bertentangan dengan pergerakan indicator.
- Ia digunakan untuk melihat trend reversal atau perubahan trend.
- Terdapat 2 jenis divergence iaitu bullish divergence dan bearish divergence.

- Indicator yang biasa digunakan untuk melihat divergence ialah RSI, MACD dan stochastic.
- Kita akan gunakan tool trendline untuk menyambungkan 2 point pada graf dan juga pada indicator.

Bullish divergence (Uptrend)



- **Bullish divergence** menunjukkan trend akan bertukar kepada **uptrend**.
- Price akan semakin turun (daripada **low** ke **lower low**) dan indicator pula menunjukkan peningkatan (daripada **low** ke **higher low**).
- Oleh itu, anda perlu sambungkan 2 point pada graf dan 2 point pada indicator seperti dalam rajah di atas dan membuat perbandingan di antara kedua-dua trendline ini.

Bearish divergence (Downtrend)



- **Bearish divergence** menunjukkan trend akan bertukar kepada **downtrend**.
- Price akan semakin meningkat (daripada **high** ke **higher high**) dan indicator pula semakin menurun (daripada **high** ke **lower high**).
- Oleh itu, anda perlu sambungkan 2 point pada graf dan 2 point pada indicator seperti dalam rajah di atas dan membuat perbandingan di antara kedua-dua trendline ini.

Contoh Bullish divergence menggunakan MACD



Contoh Bearish divergence menggunakan Stochastic





Trade With The Trend

- Mengapakah ramai trader lebih suka trade melawan arah major trend?
- Jika anda trade mengikut trend, anda sebenarnya trade mengikut minoriti, bukannya majoriti.
- Majoriti trader gagal dan rugi, lebih kurang 80-90%, dan hanya 10-20% trader sahaja yang berjaya mendapat untung.
- Oleh itu, jika anda ingin berjaya, anda harus trade mengikut trend dan mengikut minoriti.
- Untuk mendapatkan untung, market harus bergerak mengikut arah position yang anda pilih. Hanya 20% traders sahaja yang trade mengikut arah pergerakan market.
- Jika anda trade mengikut trend, adakah ini bermakna anda tidak akan rugi? Tidak, anggapan ini adalah salah. Walaupun anda trade mengikut trend, anda akan rugi apabila sesuatu trend itu melakukan retracement atau mengalami reversal dan membuatkan position anda terkena Stop Loss.
- Jika anda trade mengikut trend, kebarangkalian untuk untung adalah lebih tinggi. Ini dapat dilihat melalui Risk:Reward Ratio. Ia akan diterangkan dalam bab seterusnya.
- Anda harus trade mengikut trend selama yang mungkin.

BAHAGIAN C

MONEY

MANAGEMENT



Risk:Reward Ratio (RRR)

- Anda boleh trade beberapa kali dalam 1 hari atau beberapa kali dalam 1 minggu. Tetapi tidak semua trade itu sama. Ada trade yang lebih baik berbanding trade yang lain. Tidak semua trade berbaloi untuk dilakukan.
- Bagaimana anda hendak mengetahui dan mencari trade yang lebih baik dan berbaloi? Anda perlu menganalisa risk:reward ratio untuk setiap trade yang ingin anda lakukan.
- Terdapat 3 komponen yang diperlukan untuk menentukan RRR.
 - **Entry Price** (Price semasa anda enter position BUY/SELL)
 - **Exit Price** (Stop Loss)
 - **Profit Target** (Take Profit)
- Risk (risiko) = Jarak di antara Entry Price dengan Exit Price
- Reward = Jarak di antara Entry Price dengan Profit Target
- Di antara risk dan reward, **yang paling penting ialah bagaimana anda hendak menguruskan risk anda.**
- Untuk menjadi seorang trader yang berjaya, anda perlu minimakan risk anda.
- Jika anda mempunyai akaun yang kecil (modal yang sedikit), maka pengurusan risk itu amatlah penting!
- Anda boleh menguruskan risk anda dengan menggunakan Stop Loss order pada semua position anda.
- Sebaik-baiknya jangan ambil trade yang mempunyai RRR kurang daripada 1:2.
- Adalah lebih bagus jika RRR bagi trade itu ialah 1:3. Jika anda risk sebanyak 30 pip, potensi reward anda ialah 90 pip.
- Sila lihat rajah di bawah untuk memahami konsep ini dengan lebih jelas.



- Rajah menunjukkan contoh penggunaan risk:reward ratio.
- Jika anda BUY (entry price) pada 1.9496, dan anda set stop loss pada 1.9434, maka anda risk sebanyak 62 pip. Katakan anda set take profit anda pada 1.9652. Oleh itu reward anda ialah 156 pip.
 - Risk = 62 pip.
 - Reward = 156 pip
 - Risk : Ratio = 62 : 156 = **1 : 2.5**
- Oleh itu, trade ini berbaloi untuk diambil kerana ia mempunyai RRR lebih daripada 1:2.
- Bagaimanakah anda dapat mengetahui di mana tempat yang sesuai untuk meletakkan stop loss dan take profit? Ini akan dibincangkan dalam topik seterusnya.
- Contoh: Katakan anda mengamalkan RRR 1:2. Risk anda ialah 25 pip, manakala reward anda ialah 50 pip. Katakan anda trade 5 hari dalam seminggu dan setiap hari anda trade sekali sahaja.
 - Jika 4 hari yang pertama anda mendapat untung, maka anda telah untung sebanyak 200 pip. (50 x 4)
 - Katakan hari kelima anda rugi. Anda rugi 25 pip sahaja. • Secara keseluruhan, anda untung 175 pip. (200 - 25)



Profit Target (Take Profit)

- Terdapat pelbagai cara untuk anda menentukan profit target anda. Yang paling penting, anda perlu kenalpasti di mana kedudukan support dan resistance, kemudian bandingkan S&R anda dengan salah 1 komponen di bawah. Jika komponen di bawah ialah S&R atau menghampiri S&R yang anda sudah kenalpasti, anda boleh jadikan ia sebagai profit target anda.
- Gunakan 20 EMA dan 55 EMA pada Daily Chart sebagai profit target anda.
- Gunakan trendline.
- Gunakan retracement level, extension level atau fibonacci expansion untuk menentukan profit target anda.
- Gunakan indicator daily pivot. Pilih S1, S2, S3, R1, R2 atau R3 sebagai profit target anda.
- Gunakan envelope sebagai profit target.
- Anda boleh gunakan indicator/tool lain yang dapat tunjukkan S&R.





Stop Loss

- Bagaimana memilih tempat yang sesuai untuk meletakkan stop loss anda?
- Adakah anda hanya meletakkan jumlah pips tertentu sebagai stop loss anda? Contohnya 25 pip, 30 pip, 40 pip atau sebagainya?
- Cara paling baik untuk meletakkan stop loss ialah dengan mengenalpasti di mana Support dan Resistance bagi graf itu.
- Jika keadaan market ialah uptrend, anda ingin enter position BUY. Oleh itu, anda harus kenalpasti di mana kedudukan Support dan **letakkan stop loss anda di bawah support** itu. Jika support itu kuat, kemungkinan untuk price turun melebihi support itu adalah susah.
- Begitu juga dalam keadaan market downtrend. Anda ingin enter position SELL. Oleh itu, anda harus kenalpasti di mana kedudukan Resistance dan **letakkan stop loss anda di atas Resistance** tersebut. Jika Resistance itu kuat, agak susah bagi price itu naik melebihi resistance itu. Oleh itu, anda dapat mengelakkan daripada terkena Stop Loss.
- Setiap kali anda sudah berada dalam keadaan profit (contohnya +20 pip), sila ubah Stop Loss anda pada +1 pip. Sebagai contoh, jika anda buy pada harga 1.9540, anda letakkan stop loss 30 pip di bawah iaitu 1.9510. Ketika price sudah naik sehingga 1.9560 (anda sekarang sudah untung 20 pip), anda boleh ubah stop loss anda secara manual pada harga 1.9541 iaitu 1 pip di atas price yang anda BUY. Ini bertujuan untuk memastikan position anda tidak akan rugi, sebaliknya anda akan hanya untung 1 pip sahaja jika market berubah arah dan terkena Stop Loss anda.



Trailing Stop Loss

- Trailing Stop Loss ialah satu proses di mana anda sentiasa mengubah stop loss anda supaya jika position anda terkena Stop Loss, position anda akan ditutup dalam keadaan untung.
- Tujuan penggunaan Trailing Stop Loss ialah untuk memaksimakan profit dan **lock profit** yang telah anda perolehi.
- Fungsi Trailing ini ada di dalam Metatrader 4.

Contoh 1:



- Katakan anda sell pada harga 1.3193. Anda letak stop loss pada 1.3213. Tetapi anda tidak meletakkan take profit anda kerana anda ingin memaksimakan profit.

- Katakan anda set trailing sebanyak 20 pip. Apabila price turun 20 pip, anda telah untung +20 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik diturunkan 20 pip menjadi 1.3193. Jika pada masa ini position anda terkena stop loss, anda akan close position dengan 0 pip.



- Katakan price turun lagi 20 pip, maka anda telah untung +40 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik diturunkan lagi sebanyak 20 pip menjadi 1.3173. Jika pada masa ini position anda terkena stop loss, anda akan close position dengan +20 pip.



- Katakan price turun lagi 20 pip, maka anda telah untung +40 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik diturunkan lagi sebanyak 20 pip menjadi 1.3173.



- Katakan price turun lagi 20 pip, maka anda telah untung +60 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik diturunkan lagi sebanyak 20 pip menjadi 1.3153.



- Katakan price turun lagi 20 pip, maka anda telah untung +80 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik diturunkan lagi sebanyak 20 pip menjadi 1.3133.



- Kemudian price naik semula dan terkena stop loss anda pada 1.3133. Oleh itu, position anda ditutup secara automatik dan anda telah untung 60 pip. (1.3193 - 1.3133)

Contoh 2:



- Katakan anda buy pada harga 154.67. Anda letak stop loss pada 154.47. Tetapi anda tidak meletakkan take profit anda kerana anda ingin memaksimakan profit.



- Katakan anda set trailing sebanyak 20 pip. Apabila price naik 20 pip, anda telah untung +20 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik dinaikkan 20 pip menjadi 154.67. Jika pada masa ini position anda terkena stop loss, anda akan close position dengan 0 pip.



- Katakan price naik sebanyak 20 pip, anda telah untung +40 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik dinaikkan 20 pip menjadi 154.87.



- Katakan price naik lagi sebanyak 20 pip, anda telah untung +60 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik dinaikkan 20 pip menjadi 155.07.



- Katakan price naik sebanyak 20 pip, anda telah untung +60 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik dinaikkan 20 pip menjadi 155.27. Tetapi, selepas itu price turun dan menyentuh stop loss pada 155.27. Oleh itu, position anda close dan anda mendapat untung sebanyak 60 pip. (155.27 - 154.67)

Contoh 3:

- Katakan anda buy pada harga 1.2199. Anda letak stop loss pada 1.2179. Anda set take profit pada 1.2269. Anda menggunakan trailing sebanyak 20 pip.



- Katakan price naik sebanyak 20 pip, anda telah untung +20 pip. Oleh itu, stop loss anda secara automatik dinaikkan 20 pip menjadi 1.2199. Untuk contoh ini, position anda close kerana menyentuh Take Profit dan tidak menyentuh Stop Loss.





Take Profit VS. Trailing Stop Loss

- Mana yang lebih bagus dan sesuai? Take Profit(TP) atau Trailing Stop Loss?
- Apabila anda set Take Profit pada harga tertentu, anda tahu berapa pip yang anda mahu. Jika anda set TP sebanyak 30 pip, price menyentuh TP dan close position anda. Tetapi anda mungkin akan menyesal jika price bergerak lebih banyak selepas anda close position anda.
- Jika anda meletakkan TP yang sangat tinggi contohnya 100 pip, mungkin price tidak bergerak sebanyak itu. Mungkin ia hanya bergerak 80 pip sahaja untuk hari tersebut. Maka, untuk memaksimakan profit anda, anda bolehlah menggunakan Trailing Stop Loss. Jika anda mahukan profit yang sedikit seperti 10 pip, anda tidak perlu menggunakan trailing.



Cut Losses Short, Let Profit Runs

- Sesetengah trader lebih takut untuk membuat salah daripada kehilangan wang mereka. Mereka lebih sanggup rugi daripada mengakui bahawa mereka telah salah membuat analisa.
- Apabila trader mendapati mereka berada pada position yang salah kerana tersalah membuat keputusan, mereka masih membiarkan position itu dalam keadaan rugi, dengan harapan market akan berubah arah dan membuktikan bahawa mereka tidak salah dalam membuat keputusan.
 - Anda seharusnya sedar bahawa anda tidak semestinya betul sepanjang masa. Kadang-kadang anda akan rugi dan tersalah membuat keputusan semasa trade. Paling penting ialah anda SEDAR bahawa anda SALAH dan close position anda secepat mungkin.
 - Pastikan anda mengambil trade yang mempunyai Risk:Reward ratio yang terbaik. Ini dapat memastikan trade anda berjalan seperti yang anda rancang dan anda mendapat untung yang berbaloi.
 - Anda harus SABAR. Kebanyakan trader tidak sabar untuk trade dan mereka enter position sebelum mereka bersedia. Dan mungkin trading system juga masih belum mengeluarkan apa-apa signal BUY/SELL.
 - Kebanyakan trader berfikir bahawa untuk berjaya dalam trading dan menjadi trader yang berjaya, kita perlu trade sebanyak yang mungkin. Tetapi itu adalah tanggapan yang salah. Untuk menjadi trader yang berjaya, anda perlu pastikan anda mengambil trade yang berbaloi dan mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk berjaya. Dan trader perlu maksimakan profit bagi setiap trade.
 - Rancang trade anda dan trade mengikut plan yang dibuat.

BAHAGIAN D

STRATEGI

TRADING



Strategi 1: Bull Market

- Dalam Bull Market atau Uptrend Market, buy setiap kali price menyentuh support dan buy apabila price naik melewati resistance.





Strategi 2: Bear Market

- Dalam Bear Market atau Downtrend Market, sell setiap kali price naik menyentuh resistance dan sell apabila price turun melewati support.





Strategi 3: Ranging Market (Besar)

- Dalam Ranging Market yang mempunyai range/jarak yang besar (melebihi 100 pip), buy setiap kali price menyentuh support dan sell setiap kali price menyentuh resistance.





Strategi 4: Ranging Market (Kecil)

- Dalam Ranging Market yang mempunyai range/jarak yang kecil (kurang 50 pip), buy di atas resistance dan sell di bawah support. Anda tidak akan trade selagi price berada dalam lingkungan range yang kecil itu. Anda akan menunggu sehingga price breakout daripada range tersebut.



BAHAGIAN E

ANALISIS

FUNDAMENTAL



Economic Indicator

Apakah yang menggerakkan matawang?

- Matawang bergerak mengikut keadaan ekonomi sesebuah negara.
- Harga sesuatu matawang ditentukan melalui Supply (penawaran/pembekalan/pengeluaran) dan Demand (permintaan).
- Apabila permintaan untuk matawang bertambah, harga matawang tersebut akan naik.
- Apabila permintaan untuk matawang berkurangan, harga matawang tersebut akan turun.
- Perkembangan ekonomi, kadar faedah (interest rate) dan kestabilan politik akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada ekonomi negara tersebut.

Perkembangan Ekonomi

- Pelabur akan melabur di negara yang mempunyai ekonomi yang kukuh dan berkembang. Economic data yang perlu diperhatikan ialah Unemployment (pengangguran), Trade Balance (mengukur perbezaan import dan eksport) dan GDP (gross domestic product).

Economic Data	Kesan kepada ekonomi
Unemployment - bertambah	Buruk
Unemployment - berkurang	Baik
GDP - bertambah	Baik
GDP - berkurang	Buruk
Export - bertambah	Baik
Export - berkurang	Buruk

Interest Rate

- Jika interest rate bagi sesebuah negara dinaikkan, maka pelabur-pelabur dari luar negara akan berminat untuk melabur dan menyimpan duit di negara tersebut kerana pulangan yang tinggi daripada kadar faedah negara tersebut. Apabila sumber kewangan yang banyak masuk ke sesebuah negara, ekonomi negara tersebut semakin kukuh.
- Untuk mengetahui sama ada interest rate akan dinaikkan atau diturunkan, anda harus melihat indicator yang berkaitan dengan inflasi dan speech (ucapan) yang dibuat oleh individu yang mewakili central bank setiap negara.
- Central bank setiap negara akan mengadakan perjumpaan (meeting) untuk membincangkan kadar inflasi dan interest rate bagi negara mereka. Central bank tersebut ialah FED (Federal Reserve - US), BOE (Bank of England), BOJ (Bank of Japan), ECB (European Central Bank) dan bank-bank negara lain.

Economic Data	Kesan kepada ekonomi
Interest rate - naik	Baik
Interest rate - turun	Buruk

Economic Data Yang Paling Penting

- US Non-farm Payroll - Jumaat pertama setiap bulan
- FOMC Interest Rate Decision - 8 kali setahun
- Trade Balance
- CPI - Inflation
- Retail Sales




Kekuatan dan Kelemahan Matawang

- Sila lihat graf EUR/USD di bawah. Graf ini menunjukkan bullish trend atau uptrend.



- Graf menaik** menunjukkan **Base Currency kukuh** berbanding Quote Currency.




Graf EUR/USD yang menaik (up trend) menunjukkan Base Currency iaitu EUR adalah lebih kukuh berbanding Quote Currency iaitu USD. Kita juga boleh mengatakan USD adalah lemah berbanding EUR.

- Sila lihat graf EUR/USD di bawah. Graf ini menunjukkan bearish trend atau downtrend.



- **Graf menurun** menunjukkan **Base Currency lemah** berbanding Quote Currency.



Graf EUR/USD yang menurun (down trend) menunjukkan Base Currency iaitu EUR adalah lebih lemah berbanding Quote Currency iaitu USD. Kita juga boleh mengatakan USD adalah lebih kukuh berbanding EUR.

Contoh 1: Pair USD



- GBP/USD menunjukkan GBP lemah dan USD kukuh.
- EUR/USD menunjukkan EUR lemah, dan USD kukuh.
- USD/JPY menunjukkan USD kukuh dan JPY lemah.
- USD/CHF menunjukkan USD kukuh dan CHF lemah.
- Persamaan bagi semua pair ini ialah **USD kukuh**. Keadaan ini dipanggil **USD Dominant** kerana pergerakan keempat-empat pair ini disebabkan oleh kekukuhan atau kelemahan USD.
- Apabila USD kukuh, anda boleh BUY pair USD/XXX dan SELL pair XXX/USD.
- Pergerakan GBP/USD dan EUR/USD selalunya hampir sama. Tetapi **jika pergerakan GBP/USD dan EUR/USD bertentangan arah**, ini menunjukkan kedua-dua pair ini bukannya USD Dominant. Pergerakannya bukannya disebabkan oleh USD, tetapi disebabkan oleh GBP dan EUR sendiri. Jika keadaan ini berlaku, anda boleh **rujuk graf EUR/GBP**.

Contoh 2: Pair JPY



- USD/JPY menunjukkan USD kukuh dan JPY lemah.
- EUR/JPY menunjukkan EUR kukuh dan JPY lemah.
- Persamaan bagi semua pair ini ialah **JPY lemah**. Keadaan ini dipanggil **JPY Dominant** kerana pergerakan kedua-dua pair ini disebabkan oleh kekukuhan atau kelemahan JPY.
- Apabila JPY lemah, anda boleh BUY pair XXX/JPY.



Apa Yang Mempengaruhi Matawang?

Secara asasnya matawang dipengaruhi oleh penawaran (supply) dan permintaan(demand) matawang tersebut. Di mana permintaan berkadar langsung terhadap matawang. Jika permintaan matawang meningkat, maka nilainya juga akan meningkat dan sebaliknya. Manakala penawaran pula berkadar songsang terhadap matawang. Jika penawaran matawang meningkat, maka nilainya pula akan jatuh.

Terdapat pelbagai faktor lain yang terdapat di dunia ini yang mempengaruhi permintaan dan penawaran matawang yang terdapat di dunia, yang diterangkan di bawah ini hanyalah faktor-faktor utama yang mempengaruhi matawang-matawang tersebut.

US Dollar (USD)

- Nilai USD dipengaruhi oleh harga emas di pasaran. Hubungan USD dan emas adalah berkadar songsang. Di mana bila harga emas mengalami peningkatan maka nilai USD akan jatuh. Begitulah sebaliknya.
- Nilai USD ditentukan mengikut USD Index.
- Antara item-item yang mempengaruhi nilai USD ialah pasaran saham dan bon, serta minyak yang diimport. Komoditi (minyak yang diimport) ini mempengaruhi nilai USD kerana Ekonomi US bergantung kepadanya.

Canadian Dollar (CAD)

- Canada merupakan pengeluar emas yang ke-5 terbesar dan pengeluar minyak yang ke-14 terbesar di dunia. Oleh itu, perubahan harga emas dan minyak akan mempengaruhi nilai CAD.

- Hubungan nilai CAD dengan komoditi (minyak & emas) ini adalah berkadar langsung, iaitu jika berlaku peningkatan dalam harga komoditi ini, maka harga CAD juga akan berlaku peningkatan dan sebaliknya.
- Di samping itu ekonomi Canada juga sangat sensitif dengan perubahan ekonomi US. Ini disebabkan kerana banyak syarikat-syarikat dari US megimport bahan-bahan dari Canada. Jika berlaku kemerosotan dalam ekonomi US, ia akan memberikan kesan secara langsung kepada ekonomi Canada kerana syarikat-syarikat daripada US akan mengurangkan aktiviti mengimport bahan-bahan daripada Canada seterusnya mengurangkan pendapatan Canada.

Euro (EUR)

- European Union (EU) terdiri daripada 15 negara iaitu Austria, Belgium, Denmark, Finland, France, German, Greece, Ireland, Italy, Luxembourg, The Netherlands, Portugal, Spain, Sweden & UK. Semua negara menggunakan Euro sebagai matawang utama kecuali Denmark, Sweden dan UK.
- Economic news paling penting yang dapat mempengaruhi perubahan nilai EUR ialah daripada negara German, France dan Italy.
- Pergerakan turun naik EUR/USD adalah sangat penting untuk mengukur kekuatan/kelemahan matawang EUR dan USD.

Great Britain Pound (GBP)

- Nilai GBP adalah berkadar langsung dengan harga tenaga (energy). Di mana peningkatan dalam harga tenaga akan diikuti dengan peningkatan nilai GBP.
- Negara United Kingdom (UK) adalah negara yang menggunakan matawang GBP. Disebabkan kebanyakan negara-negara EU mengimport minyak daripada UK, maka jika harga minyak meningkat, negara-negara EU terpaksa membeli lebih banyak GBP untuk digunakan membeli minyak tersebut. Senario ini

menunjukkan peningkatan dalam permintaan GBP seterusnya meningkatkan nilai GBP tersebut.

- Oleh itu, peningkatan harga minyak akan menyebabkan peningkatan dalam pendapatan UK dalam sektor eskport tenaga dan ini memberi kesan positif kepada ekonomi UK.
- Kekuatan atau kelemahan nilai GBP dapat dilihat dengan jelas pada pergerakan EUR/GBP. Pergerakan pada EUR/GBP mempengaruhi pergerakan GBP/USD.

Japanese Yen (JPY)

- Ekonomi Jepun sangat bergantung kepada sektor eksportnya. Oleh itu Bank of Japan (BoJ) berusaha untuk melemahkan Yen kerana jika Yen lemah, ia akan menyebabkan harga barangannya murah berbanding negara lain. Ini seterusnya akan meningkatkan eksport barangnya ke luar negara dan ini akan meningkatkan pendapatannya.
- Jepun sangat bergantung kepada minyak yang diimport. Harga minyak yang tinggi akan menjadi penghalang kepada produksi dan perkembangan ekonomi di Jepun kerana harga input dan bahan mentah akan semakin mahal. Apabila harga input meningkat, maka harga output akan juga meningkat seterusnya akan mengurangkan permintaan terhadap barang tersebut dan export akan kurang.
- Pergerakan EUR/JPY boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh USD/JPY. GBP/JPY dan AUD/JPY juga boleh memberikan kesan kepada EUR/JPY dan USD/JPY.

Swiss Franc (CHF)

- Switzerland ialah pemegang/penyimpan sah emas yang ke-4 terbesar di dunia. Oleh itu, nilai CHF berkadar langsung dengan harga emas.
- Jika harga emas meningkat, nilai CHF juga akan kukuh dan sebaliknya.

Australian Dollar (AUD)

- Australia ialah pengeluar emas yang ke-3 terbesar di dunia. Oleh itu, nilai AUD berkadar langsung dengan harga emas.
- Apabila harga emas jatuh, harga AUD juga akan jatuh.

New Zealand (NZD)

- Nilai NZD berkadar langsung dengan nilai AUD. Oleh itu, peningkatan nilai AUD akan menyebabkan nilai NZD juga meningkat.
- Disebabkan nilai AUD dipengaruhi oleh harga emas, maka NZD juga dipengaruhi oleh emas. Jika harga komoditi (emas) kukuh, nilai NZD juga akan kukuh.



Economic Calendar

[Forex Factory Economic Calendar](http://www.forexfactory.com/calendar.php)

<http://www.forexfactory.com/calendar.php>

Setting untuk Economic Calendar

- Sila pastikan Calendar Time Zone anda ialah Beijing, Perth, Singapore atau GMT +8 untuk memastikan semua economic data dipaparkan mengikut waktu Malaysia.



- Sila lihat Legend untuk mengetahui kekuatan sesuatu economic indicator.



Cara Membaca Economic Calendar

Untuk **semua jenis data kecuali data Unemployment**, nilai bacaan adalah seperti di bawah.

- Jika **nilai actual lebih daripada nilai forecast**, ia adalah **good news** (matawang semakin kukuh).
- Jika **nilai actual kurang daripada nilai forecast**, ia adalah **bad news** (matawang semakin lemah).

Nilai Actual > Nilai Forecast = Good News

Nilai Actual < Nilai Forecast = Bad News



Date	Time*	Currency	Data Released		Actual	Forecast	Previous	Info.
Mon. 08/28	4:00pm	EUR	M3 Money Supply y/y		7.8%	8.5%	8.5%	[read]
Tue. 08/29	7:30am	JPY	Unemployment Rate		4.1%	4.2%	4.2%	[read]
	7:30am	JPY	Household Spending y/y		-1.3%	-0.9%	-2.2%	[read]
	8:00am	AUD	Leading Indicators m/m		0.4%	0.0%	-0.1%	[read]
	2:10pm	EUR	German Consumer Confidence		8.6%	8.6%	8.6%	[read]
	3:00pm	CHF	Consumption Indicator		1.88		2.11	[read]
	9:00pm	NZD	Business Confidence		-33.9	-28.0	-31.1	[read]
	10:00pm	USD	Consumer Confidence		99.6	103.0	106.5	[read]

Untuk data **Unemployment**, nilai bacaan adalah seperti di bawah.

- Jika **nilai actual lebih daripada nilai forecast**, ia adalah **bad news** (matawang semakin lemah).
- Jika **nilai actual kurang daripada nilai forecast**, ia adalah **good news** (matawang semakin kukuh).

Cara membaca data Interest Rate Statement

Nilai Forecast > Nilai Previous = Good News							
Nilai Forecast < Nilai Previous = Bad News							

Forex Calendar							
Date	Time*	Currency	Data Released	Actual	Forecast	Previous	Info.
	7:00pm	GBP	Interest Rate Statement		4.75%	4.75%	[read]
	7:45pm	EUR	Interest Rate Statement		3.25%	3.00%	[read]

- Untuk data Interest Rate Statement, **bandingkan nilai Forecast dengan nilai Previous**.
- Data ini dikeluarkan diikuti dengan **statement** daripada Chairman Central Bank negara tersebut. Jika interest rate dinaikkan, ia merupakan good news. Tetapi jika statement yang dikeluarkan menyebut tentang inflasi dan menyatakan inflasi semakin teruk, good news itu akan menjadi bad news.
- Terdapat 3 jenis statement iaitu **hawkish** (good), **dovish** (bad) dan **neutral** statement.
- Statement yang dikeluarkan selepas mengumumkan interest rate akan menentukan pergerakan matawang tersebut. Komen hawkish merupakan good news kepada matawang tersebut manakala komen dovish merupakan bad news kepada matawang tersebut.

Commentary

<http://news.efxnow.com/EN/Commentary/index.html>

- Sila lihat commentary untuk mengetahui keputusan news. Anda akan dapat mengetahui nilai actual dengan lebih awal melalui commentary.

02:18	EURJPY very hesitant around the 150.00 area. This is the first time we've seen that level since September 19th.
02:10	Gbp/usd runs some small stops through the 1.8715/20 area and is now testing resistance near 1.8730.
01:50	We see the dollar bid across the board as early traders in Europe are looking for a continuation of the dollar's rally that was started in the Asian session.
01:43	The Nikkei is trading to the upside by +167 points, continuing the rally from last week.
01:43	It looks like eur/gbp is driving gbp/usd lower. If eur/gbp can break above .6780 we may see stops trigger and then see gbp/usd sell off.
01:41	Gbp/usd fails above the 1.8715 level and is back down near 1.8705.
01:28	Prime minister Abe says Japan on verge of pulling out of deflation and hopes BOJ to support economy via monetary policy. Also says government, BOJ to work together to achieve sustainable economic growth with price stability.
01:24	USDCAD challenging Asia highs on a run towards 1.1200
01:14	Gbp/usd pressing higher ever so slightly. It is testing resistance near the 1.8715 area at the moment. there may be short term stops above 1.8725.

Website lain yang boleh dijadikan sebagai rujukan

<http://www.babypips.com/>

<http://www.actionforex.com/>

<http://www.fxstreet.com/>



Trading The News

Semasa economic event (sila rujuk economic calendar), anda boleh trade, tetapi jangan gunakan trading system yang saya sediakan. Terdapat teknik khas untuk trade economic news/event. Teknik ini dipanggil **straddle**.

Teknik ini memerlukan anda membuat 2 pending order iaitu buy stop (buy di atas harga semasa) dan sell stop (sell di bawah harga semasa) 5 minit sebelum news. Anda boleh buy stop dan sell stop dengan jarak 20 pip daripada harga semasa.



Contoh di atas menunjukkan GBP/USD pada harga semasa 1.9392. Chart ini adalah sebelum news Nonfarm Employment Change.



5 minit sebelum news, anda boleh buat pending order. Dalam contoh di atas, buy stop 20 pip di atas harga semasa dan sell stop 20 pip di bawah harga semasa.

Selepas news, price bergerak turun dengan pantas dan ini akan membuatkan position sell anda dibuka. Oleh itu anda akan untung. Position buy tidak dibuka kerana price tidak bergerak naik ke atas dan menyentuh buy stop. Oleh itu, anda boleh cancel atau delete buy stop order tersebut.

Semasa anda membuat order buy stop dan sell stop, anda boleh meletakkan nilai Take Profit dan Stop Loss. Anda boleh menggunakan Support dan Resistance sebagai panduan untuk meletakkan take profit anda. Gunakan stop loss 20 - 30 pip.

BAHAGIAN F
LANGKAH-
LANGKAH
SEBELUM TRADE



Step-by-Step

Setiap hari sebelum anda trade, sila lihat Daily Chart terlebih dahulu. Jangan lihat pada beberapa candlestick yang terakhir sahaja, lihat pada keseluruhan chart.

Tanya diri anda:

- Ke manakah arah trend market?
- Adakah trend keseluruhan ialah UP, DOWN, atau ia bergerak dalam 1 range?
- Adakah ia hampir dengan "**previous high**" atau "**previous low**"?
- Adakah trend itu sudah melakukan retracement?
- Adakah indicator menunjukkan market berada dalam keadaan overbought atau oversold?
- Adakah trend pada Daily chart ini bergerak mengikut trend pada weekly dan monthly chart ataupun ia bergerak melawan arah trend weekly dan monthly?

Setelah anda melihat daily chart, anda mendapat pandangan dan perspektif yang lebih jelas sebelum anda memulakan analysis yang sebenarnya.

Step-by-Step Sebelum Trade:

1. Lihat Daily Chart dan tanya soalan-soalan di atas.
2. Lihat Daily Chart dan kenalpasti trend.
3. Lihat Chart H4 dan kenalpasti trend pada H4.
4. Kenalpasti support dan resistance pada chart H4 dan Daily.
5. Buat keputusan untuk memilih position BUY atau SELL berdasarkan trend yang anda lihat.
6. Kira risk dan reward.
7. Pilih salah 1 trading system dan tunggu signal untuk enter position berdasarkan keputusan yang anda buat pada step yang ke 5.